Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh Johari Ibrahim dan Siti Fatimah Mohamed Anwar

ALOR STAR: Kerajaan negeri menolak dakwaan banjir yang melanda empat daerah di Kedah sehingga memaksa lebih 600 penduduk dipindahkan berpunca daripada air yang dilepaskan dari tiga empangan utama di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) tidak melepaskan air di Empangan Pedu, Ahning dan Muda kerana paras air di tiga empangan itu masih di bawah tahap maksimum.

Beliau berkata, paras air Empangan Pedu semalam ialah 94.2 meter berbanding tahap maksimum 96 meter.

"Paras air di Empangan Ahning pula ialah 354 kaki (106.2 meter) berbanding kapasiti maksimum 370 kaki (111 meter) dan Empangan Muda berada pada paras semasa 321 kaki (96.3 meter) berbanding tahap maksimum 370 kaki (111 meter)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di sini semalam.

Justeru, katanya, andaian kononnya Mada melepaskan air empangan berikutan hujan lebat sehingga menyebabkan paras air beberapa sungai meningkat adalah tidak benar.

Mengenai bantuan kepada mangsa banjir di daerah Yan, Pendang dan Kota Star, Menteri Besar berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kerajaan negeri serta wakil rakyat bertindak cepat menghulurkan bantuan.

"Air laut tidak lagi pasang maksimum menyebabkan air sungai dapat dialirkan keluar ke laut lebih cepat dan keadaan akan bertambah baik sehari dua ini jika cuaca terus baik," katanya.

Selain itu, katanya, Mada juga sudah mengurangkan paras air di semua terusan miliknya bagi mengelakkan limpahan.

Mengenai langkah penebatan banjir, beliau berkata, kerajaan negeri mencadangkan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diberikan peruntukan keseluruhan bagi melaksanakan projek tebatan banjir di sesebuah daerah supaya lebih berkesan.

Sementara itu, 80 lagi mangsa banjir membabitkan 19 keluarga dipindahkan ke Kompleks Rakan Sukan Tanah Merah Pendang menjadikan jumlah mangsa di Pendang sehingga ini 243 orang.

Sementara itu, kira-kira 40 mangsa dari 10 keluarga di Kampung Permatang Limau, Alor Star dipindahkan pagi semalam apabila air Sungai Pendang mengalir ke Sungai Kedah.

Tajuk Artikel : Formula baru syarat konsesi tol dijangka

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang merumus formula konsesi tol baru yang akan memberi faedah dan manfaat yang sama rata kepada pengguna, syarikat konsesi, kerajaan serta institusi kewangan yang membiayai pembinaan sesuatu lebuh raya.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata keputusan itu dibuat bagi mengatasi kekurangan dan kelemahan perjanjian konsesi sedia ada dengan mengambil kita pandangan semua pihak terbabit.

"Meskipun kaedah yang digunakan sekarang sudah boleh dikatakan agak baik, syarat perjanjian konsesi baru yang sedang dirumus ini akan menambah baik dasar penswastasaan yang diguna pakai sebelum ini.

"Walaupun hampir semua pembinaan lebuh raya tempatan diswastakan, kerajaan bertanggungjawab mengambil langkah perlu bagi mengurangkan implikasi sosial dengan menyediakan laluan alternatif tanpa tol dan memberi subsidi tol bagi mengurangkan beban pengguna.

"Justeru, menjadi dasar kerajaan untuk mengkaji semula setiap perjanjian konsesi dari semasa ke semasa bagi memastikan penswastasaan lebuh raya ini mencapai matlamat sebenar," katanya ketika dihubungi di Paris, Perancis semalam.

Beliau mengetuai delegasi 16 anggota bagi menghadiri Kongres Jalan Sedunia selama lima hari di negara itu. Beliau berkata, setakat ini kerajaan sudah menswastakan projek pembinaan lebuh raya bernilai lebih RM30.8 bilion.

Tegasnya lagi, menjadi tanggungjawab kerajaan dan syarikat konsesi untuk bermuafakat bagi mencapai rumusan terbaik yang menguntungkan semua pihak, terutama pengguna.

Samy Vellu berpendapat, walaupun negara terbabit dalam projek penswastasaan selama 25 tahun, masih banyak yang perlu dipelajari dari segi manfaat kepada pengguna selain implikasi kewangan dan ekonomi. Katanya, tinjauan pendapat umum akan dijadikan syarat utama sebelum melaksanakan penswastasaan pembinaan lebuh raya, termasuk mengenal pasti keperluan berasaskan permintaan penduduk setempat.

Selain itu, kesan aliran trafik dan tindakan mengemas kini terma serta syarat perjanjian konsesi akan diberi pertimbangan utama sebelum menandatangani sebarang perjanjian konsesi pada masa akan datang. Kata Samy Vellu, dalam tempoh dua tahun lagi, lebih 2,000 kilometer lebuh raya bertol akan disiapkan pembinaannya di seluruh negara.

Tajuk Artikel : RM3.1j semarakkan masjid, surau sepanjang Ramdhan

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online 20 September 2007 - Khamis

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tetapkan kadar fitrah RM4.70

KUALA LUMPUR: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan kira-kira RM3.1 juta kepada masjid dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan sepanjang Ramadan ini bagi memeriahkan dan mengimarahkan bulan yang penuh keberkatan ini.

Pengerusinya, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM1.2 juta daripada bantuan Ihya' Ramadan itu akan disalurkan kepada 63 masjid, 68 surau yang mengerjakan solat Jumaat dan 324 surau biasa.

"Setiap masjid akan menerima RM5,000 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM315,000, surau Jumaat sebanyak RM3,500 (RM238,000) dan surau biasa menerima RM2,000 (RM648,000).

"Sumbangan ini akan membolehkan warga Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menjalankan pelbagai ibadat seperti moreh dan majlis berbuka puasa," katanya pada sidang media di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali.

Abdullah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, sumbangan kali ini juga akan membabitkan kebersihan dan keceriaan masjid untuk menghidupkan suasana dan memberi keselesaan mengerjakan ibadat.

"MAIWP memperuntukkan sebanyak RM519,000 untuk tujuan itu dan ia hanya terhad kepada masjid dan surau yang mengerjakan solat Jumaat saja. Setiap masjid akan menerima RM5,000 manakala surau sebanyak RM3,000.

"Kami berharap dengan pemberian sumbangan ini akan menarik lebih ramai pengunjung ke masjid untuk mengerjakan solat Tarawih seterusnya bertadarus ketika Ramadan nanti," katanya.

Beliau juga mengumumkan yang MAIWP akan menyumbangkan sembilan kenderaan jenazah bernilai RM1,388,000 untuk kegunaan Jawi dan masjid di Zon Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sementara itu, kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan tahun ini ditetapkan RM4.70 seorang dan umat Islam boleh membayarnya mulai 1 Ramadan menerusi amil yang dilantik.

Tajuk Artikel : RM112b majukan ECER – Kawasan seluas 66,736 km persegi dilancar PM bulan depan

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh Aznan Bakar

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Sejumlah RM112 bilion akan dilaburkan untuk pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hujung bulan depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican berkata, jumlah itu adalah peruntukan dalam tiga Rancangan Malaysia (RMK) dengan 40 peratus daripadanya akan digunakan untuk meningkatkan rangkaian pengangkutan dan kemudahan asas yang menjadi penentu penting kepada pertumbuhan pembangunan di wilayah berkenaan.

Katanya, Petronas merupakan perancang utama wilayah ekonomi itu, yang meliputi kawasan 66,736 kilometer persegi atau 51 peratus daripada keluasan Semenanjung Malaysia.

“Daripada RM112 bilion itu, 20 peratus akan dibiayai oleh sektor swasta, 27 peratus melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan bakinya oleh kerajaan,” katanya selepas taklimat kepada pengarang-pengarang kanan mengenai ECER di sini, semalam.

ECER akan dilancarkan di Kuala Terengganu dan Kota Bharu pada 30 Oktober dan di Kuantan pada 31 Oktober.

Ia merupakan wilayah pembangunan ketiga yang akan dilancarkan oleh Abdullah tahun ini selepas Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Pembangunan Koridor Utara (Koridor Utara) yang meliputi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Dengan jumlah penduduk sebanyak 3.9 juta, dianggarkan RM30,000 perlu dibelanjakan ke atas setiap individu di wilayah itu dalam tempoh pelaksanaannya dari sekarang hingga 2020.

Bilangan penduduk di ECER merupakan 14.5 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini yang seramai 26.8 juta dan wilayah itu juga merupakan kawasan kediaman utama masyarakat bumiputera yang merupakan 86.6 peratus daripada penduduknya.

Ia diikuti oleh China 7.8 peratus, India 1.8 peratus dan lain-lain 3.8 peratus.

Peningkatan kemudahan jalan raya dan pengangkutan termasuk pembinaan fasa ketiga Lebuhraya Pantai Timur dari Kuala Terengganu dan Kota Bharu, fasa empat Lebuhraya itu yang menghubungkan Kuantan ke Johor Bharu dan jalan raya menghubungkan Temerloh ke Kuala Pilah.

Selain itu, ia juga membabitkan pembinaan beberapa laluan jalan raya baru bagi menghubungkan ECER dengan wilayah-wilayah di Pantai Barat Semenanjung.

Menurut Hassan, matlamat utama pelan pembangunan ECER adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan di wilayah itu secara berdaya maju, seimbang dan mapan.

Dengan itu, katanya, ia akan dapat menangani ketidakseimbangan di wilayah itu kerana negeri-negeri di ECER mencatatkan pendapatan purata isi rumah antara yang paling rendah di Malaysia.

Pada ketika ini, Terengganu dan Kelantan adalah negeri yang mencatatkan kemiskinan tertinggi di Malaysia, yang mencatatkan 15.4 peratus dan 10.6 peratus kemiskinan di negara ini, dan diikuti oleh Pahang 4.9 peratus.

Di bawah pelan induk ECER katanya, sejumlah 561,000 pekerjaan akan diwujudkan menjelang 2020 dan kemiskinan tegar disasarkan untuk dikurangkan kepada sifar.

Selain itu, wilayah ekonomi itu juga bertujuan untuk menggerakkan ekonomi, meningkatkan keupayaan bagi mendapatkan pengetahuan dan inovasi, menangani ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan, meningkatkan standard dan kualiti kehidupan dan mengukuhkan institusi dan melaksanakan keupayaan.

Selain menangani masalah akses ke wilayah itu, ketidakseimbangan dengan wilayah-wilayah lain di pantai barat dan kemiskinan tegar, ECER juga bermatlamat untuk menangani ketidakseimbangan pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Pada masa yang sama ia juga akan menangani masalah infrastruktur asas, serta mengoptimumkan sektor hartanah, yang termasuk untuk meraih potensi Tanah Simpanan Melayu.

"Antara idea untuk mengoptimumkan Tanah Simpanan Melayu ialah secara mewujudkan satu amanah yang akan memajukan tanah berkenaan," katanya.

Ini kerana Tanah Simpanan Melayu mewakili 40 peratus daripada tanah di ECER.

Hassan berkata, lebih 190 institut latihan dan institusi pengajian tinggi sedia ada yang terdapat dalam ECER juga akan dimaksimumkan perannya supaya ia bukan sahaja untuk melatih orang tempatan meningkat ke rantaian nilai malah menarik mereka yang berada di luar untuk belajar di sana.

Selain pendidikan, katanya, sektor lain yang telah dikenal pasti untuk menyegarkan wilayah itu ialah pelancongan, minyak dan gas, petrokimia, pembuatan dan pertanian.

"Teras ECER ialah pertanian dan pelancongan," katanya.

Mengenai pertanian, Hassan berkata, ia akan termasuk penanaman limau (sitrus), nanas, pemeliharaan kambing, penanaman herba dan pokok getah khusus bagi mendapatkan kayu yang akan digunakan untuk pembuatan perabot.

"Kami telah mengenal pasti kawasan 20,000 hingga 40,000 hektar bagi penanaman pokok getah untuk mendapatkan kayu," katanya.

Dengan itu, katanya, aktiviti pembuatan perabot, yang kini tertumpu di selatan Semenanjung, akan tertarik ke ECER.

Bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI), Hassan berkata matlamatnya ialah untuk menarik semua jenis FDI, sama ada besar atau kecil, dalam bidang seperti pelancongan, pembuatan dan pendidikan.

Katanya, Petronas hanya bertanggungjawab untuk membangunkan pelan induk tersebut dan ECER akan diuruskan oleh sebuah majlis yang anggotanya termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar keempat-empat negeri, dua menteri Kabinet dan para wakil sektor swasta.

Petronas bagaimanapun katanya, akan menjadi salah satu wakil sektor swasta dalam majlis berkenaan yang akan mengendalikan ECER.

"Ia akan mempunyai satu majlis, rang undang-undangnya yang sedang digubal akan dibentangkan di Parlimen pada Disember ini," kata Hassan.

Tajuk Artikel : Kurangkan makan ayam jadi lebih sihat - Pakar

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh CYNTHIA YEOH

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Seorang pakar pemakanan dan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini menyarankan supaya orang ramai kurangkan memakan ayam bagi membantu menjaga kesihatan.

Menurut mereka, pengambilan ayam secara berlebihan untuk jangka panjang boleh memburukkan kesihatan.

Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia, Dr. Tee E. Siong berkata, pengguna seharusnya mempelbagaikan jenis makanan yang diambil bersama daging ayam.

Menurut beliau, pengguna boleh cuba memakan lebih banyak kekacang termasuk kacang dal dan soya sebagai sumber protein memandangkan harga ikan lebih mahal daripada ayam. "Kekacang kaya dengan protein dan serat serta tidak mengandungi lemak tepu seperti yang terkandung dalam haiwan.

"Sebenarnya, kekacang berada dalam kelompok yang sama dengan daging, ayam, ikan dan telur dalam paras ketiga Garis Panduan Makanan," jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, kekacang tidak boleh mengganti daging ayam kerana kualiti proteinnya adalah kurang tetapi ia boleh dimakan sebanyak empat hingga lima kali dalam seminggu untuk mendapat sumber protein yang mencukupi.

"Pengguna boleh mengurangkan pengambilan ayam dengan memakan kekacang empat kali dalam seminggu, ikan (sekali seminggu) atau ayam (sekali seminggu), mempelbagaikan jenis makanan untuk mendapat keseimbangan," ujarnya.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris turut mencadangkan pengguna mengurangkan tabiat makan ayam pada musim perayaan atas faktor kesihatan.

Mohamed Idris berkata, ayam yang dikeluarkan pada musim perayaan berisiko tinggi kerana binatang ternakan itu disuntik dengan sejenis ubat bagi mempercepatkan pertumbuhan. Katanya, ubat itu memberi kesan sampingan kepada manusia tetapi ia bergantung kepada daya ketahanan seseorang individu itu.

"Sebagai contoh, individu yang menghidap masalah alergi (alahan) mungkin akan menerima kesan daripada ubat itu. "Difahamkan, kebanyakan ayam sebesar seminggu atau dua akan disuntik dengan ubat itu agar dapat dijual di pasaran dengan segera kerana permintaan yang tinggi menjelang musim perayaan," katanya.

Jelasnya, ubat itu memang diberi kelulusan tetapi tidak digalakkan kerana ayam itu akan menyusut selepas 42 hari.

Selain itu, tambahnya, sejenis antibiotik juga dimasukkan ke dalam makanan ayam bagi meningkatkan ketahanan terhadap jangkitan penyakit. "Bagaimanapun, antibiotik itu tidak berbahaya kepada manusia," katanya.

Tajuk Artikel : Permintaan di Terengganis menurun

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA TERENGGANU 19 Sept. – Permintaan terhadap ayam di sekitar bandar ini mula menurun apabila orang ramai bertindak memboikot daripada membeli makanan itu ekoran tindakan peniaga menjual melebihi harga siling iaitu RM6.

Tinjauan Utusan Malaysia di tiga pasar di bandar ini mendapati pembeli ayam semakin berkurangan menyebabkan peniaga mengeluh kerana hasil jualan tidak balik modal.

Seorang peniaga ayam di Pasar Besar Kedai Payang yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, separuh daripada 10 peniaga di pasar itu menutup gerai mereka sejak awal minggu ini kerana ketiadaan pelanggan.

"Lima lagi gerai yang beroperasi terpaksa menutup awal perniagaan mereka iaitu pukul 4 petang kerana tiada pelanggan yang datang membeli selepas waktu tersebut," katanya.

Menurutnya, para peniaga di pasar berkenaan pada minggu ini hanya mampu menjual kira-kira 100 ekor ayam sehari berbanding kira-kira 300 ekor sebelum ini.

"Saya akan rugi jika mengambil bekalan lebih daripada 100 ekor ayam sehari kerana hendak menjual dalam jumlah itu pun susah sekarang kerana tidak ramai pelanggan," ujarnya.

Ahmad memberitahu, dia menjual ayam pada harga RM6 sekilogram kerana membeli ayam hidup berharga RM4.50 daripada pembekal dan memprosesnya sendiri.

"Jika saya membeli ayam yang sudah siap diproses maka saya perlu bayar kepada pemborong RM5.80 sekilogram, macam mana saya nak jual RM6 sekilogram," jelasnya.

Seorang peniaga di Pasar Chabang Tiga mahu dikenali sebagai Awang pula berkata, bekalan ayam yang dijualnya hari ini masih banyak yang belum laku.

"Saya terpaksa menjual ayam proses tanpa kepala RM6.70 sekilogram kerana mengambilnya daripada pemborong yang menjualnya dengan harga tinggi," katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga di Pasar Bukit Besar pula berkata, pelanggan masih datang membeli seperti biasa tetapi saiz ayam yang dijual oleh pembekal semakin kecil menyebabkan ramai pelanggan mengadu tidak puas hati.

Tajuk Artikel : Lima pemborong akan didakwa

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

NIBONG TEBAL 19 Sept. – Lima syarikat pemborong ayam akan didakwa di mahkamah kerana didapati menjual ayam melebihi harga siling manakala tiga peniaga runcit pula dikenakan tindakan atas kesalahan menjual ayam tanpa lesen.

Lima syarikat yang beroperasi di sekitar seberang Perai Tengah itu didapati menjual ayam dengan harga RM5.70 sekilogram sedangkan harga siling ialah RM5.40 sekilogram kepada peniaga runcit.

Tiga peniaga pula yang berusia dalam lingkungan 30-an hingga 40-an itu didapati menjual ayam tanpa lesen di Pasar Bayan Baru dan Batu Lancang.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, M. Guna Selan berkata, kesemua kesalahan tersebut dikesan dalam pemeriksaan sejak 13 September lalu.

“Lima syarikat tersebut akan didakwa mengikut Akta Kawalan Harga 1946 manakala tiga peniaga lelaki itu dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan mengejut ke atas sebuah kilang memproses ayam di Jalan Bukit Panchor di sini hari ini.

Menurutnya, KPDNHEP akan terus mengadakan operasi dan pemeriksaan dari semasa ke semasa dan orang ramai diminta membuat aduan sekiranya terdapat sebarang kenaikan atau penipuan harga ayam bagi membantu penguatkuasaan pihaknya.

“Setakat dua minggu ini KPDNHEP tidak menerima aduan mengenai kenaikan harga ayam,” katanya.

Mengenai harga tepung gandum pula, beliau berkata, pemeriksaan pihaknya mendapati bahan itu dijual pada harga siling ditetapkan RM1.35 sekilogram.

“Tepung yang dikawal harganya tidak naik tetapi harga tepung yang tidak dikawal iaitu tepung yang diperkaya dengan vitamin didapati naik sedikit,” katanya.

Tajuk Artikel : Penternak nafi naik harga

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) hari ini menafikan kenaikan harga ayam di pasaran berpunca daripada tindakan penternak menaikkan harga seperti yang didakwa pemborong sebelum ini.

Naib Pengerusi Bahagian Ayam FLFAM, Yap Kim Hwah berkata, pihaknya masih mengekalkan harga siling ladang seekor ayam iaitu RM4 sekilogram seperti yang diarahkan kerajaan sebelum ini dan tidak pernah menaikkan harga tersebut.

"Penternak masih mengekalkan harga ayam seperti yang disarankan meskipun kami menanggung kerugian setiap hari. "Memang benar terdapat segelintir penternak menaikkan harga tetapi jumlah mereka yang berbuat demikian amat sedikit," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Sejak kebelakangan ini pembeli mengeluh mengenai kenaikan harga ayam di pasaran yang mencecah sehingga RM7 sekilogram berbanding harga siling sebelum ini RM6 sekilogram.

Ekoran keluhan pembeli dan peniaga, penternak serta pemborong ayam dikatakan menuding jari menyalahkan satu sama lain.

Menurut Kim Hwah, pihaknya tidak pernah mengambil kesempatan menaikkan harga ayam terutamanya menjelang musim perayaan ini, sebaliknya terus mengekalkan harga tersebut meskipun tidak memperoleh sebarang keuntungan.

"Kami menanggung kerugian setiap hari apabila mengekalkan harga RM4 sekilogram kerana kos menternak ayam telah naik," ujarnya.

Katanya, kenaikan harga gandum, jagung, susu kacang soya, serbuk ikan, dedak padi, minyak diesel dan minyak kelapa sawit di pasaran dunia menyebabkan kos menternak ayam juga naik.

"Kos menternak seekor ayam menyamai harga ayam itu sendiri. Jadi bagaimana penternak boleh mendapat keuntungan.

"Kita tidak boleh berbuat apa-apa dengan kenaikan itu kerana ia merangkumi pasaran dunia, jika di negara ini mungkin perbincangan boleh dibuat dengan pihak tertentu," katanya

Tajuk Artikel : Boleh buka puasa jika lebih dua marhalah

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Tokoh agama, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz menjelaskan, mana-mana individu yang melakukan perjalanan jarak jauh melebihi dua marhalah (kira-kira 100 kilometer) diberi kelonggaran untuk berbuka puasa lebih awal.

Beliau berkata, ini bermakna bukan pemandu bas ekspres sahaja yang diharuskan berbuka puasa tetapi pemandu-pemandu lain yang dikategorikan sebagai musafir juga diharuskan berbuat demikian tanpa mengambil kira sama ada mereka keletihan atau sebaliknya.

Namun demikian, Abu Hassan menasihatkan pemandu-pemandu bas yang berhajat berbuka puasa awal supaya tidak makan dan minum di khalayak ramai bagi menghormati bulan Ramadan.

“Jangan kata makan dan minum, menghisap rokok di hadapan penumpang juga tidak digalakkan,” ujarnya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Abu Hassan mengulas kenyataan Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin bahawa pemandu bas jarak jauh yang bertugas sepanjang Ramadan diharuskan berbuka puasa awal bagi mengelak mereka keletihan dan seterusnya membahayakan penumpang apabila berlaku kemalangan.

Bernama melaporkan, pemandu berkenaan bagaimanapun hendaklah menggantikan jumlah hari yang tertinggal pada bulan lain.

Tajuk Artikel : e-Kesihatan JPJ ditangguh

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Kerajaan hari ini menangguhkan pelaksanaan sistem e-Kesihatan bagi pemandu kenderaan komersial yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Oktober ini. Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Ahmad Mustapha Abdul Rashid berkata, tarikh baru bagi melaksanakan sistem itu bagaimanapun masih belum ditetapkan.

Menurutnya, beliau diminta oleh Kementerian Pengangkutan untuk memaklumkan perkara itu melalui kenyataan akhbar untuk pengetahuan umum. “Bagaimanapun, saya tidak tahu mengapa keputusan itu dibuat kerana hari ini mesyuarat pasca-Kabinet tidak diadakan,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini.

Difahamkan, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet hari ini.

e-Kesihatan ialah pemeriksaan menyeluruh merangkumi ujian darah dan air kencing di 611 klinik panel yang ditetapkan sebelum keputusannya dihantar ke JPJ secara elektronik bagi mengelak pemalsuan.

Pemeriksaan itu wajib dilakukan semua pemandu yang ingin memperbaharui atau memohon lesen memandu kenderaan awam (PSV) serta lesen memandu barangan (GDL).

Peraturan baru itu turut mewajibkan pemandu menjelaskan bayaran sebanyak RM80 di pejabat pos.

Sabtu lalu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, langkah kerajaan memperkenalkan sistem itu bertujuan mengatasi kelemahan sistem pemeriksaan kesihatan sedia ada.

Bagaimanapun, pelaksanaan sistem itu menimbulkan kontroversi bahawa syarikat yang menerima kontrak bagi mengendalikan sistem itu, akan meraih keuntungan 'atas angin' hampir RM400 juta dalam tempoh 15 tahun.

Antara yang membantah cadangan itu ialah Persatuan Pemilik Teksi Wilayah Persekutuan dan Persatuan Pekerja Teksi Kuala Lumpur.

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) turut mendakwa pelantikan klinik panelnya melanggar Akta Perubatan 1971.

Malah Persatuan Pengguna Pulau Pinang dalam Forum Utusan hari ini turut membantah pelaksanaannya yang terdedah kepada penyelewengan.

Tajuk Artikel : Bas tidak cukup

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Hasrat orang ramai untuk beraya di kampung halaman pada Hari Raya Aidilfitri ini mungkin tidak kesampaian kerana hanya kira-kira 50 bas sekolah boleh digunakan sebagai bas tambahan.

Dengan itu, hanya kira-kira 2,000 orang sahaja boleh mendapatkan perkhidmatan bas sekolah berbanding 400 hingga 500 bas sekolah yang diperlukan dan permohonan tersebut diuruskan oleh syarikat bas ekspres terbabit.

Menurut Presiden Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia, Chee Ah Tey, pihaknya tidak dapat menyediakan lebih banyak bas kerana kebanyakan bas sekolah yang ada berusia lebih 12 tahun.

"Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) mensyaratkan penggunaan bas sekolah untuk musim perayaan ini mesti berusia kurang 12 tahun.

"Memang kami berhasrat untuk membantu kerajaan untuk membawa mereka pulang ke kampung pada musim perayaan ini tetapi menghadapi masalah dengan syarat itu sedangkan sebelum ini tidak dihadkan usia bas sekolah," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Sebelum ini, LPKP memaklumkan yang pihaknya akan mengeluarkan 1,000 permit Lesen Perubahan Sementara (LPS) kepada syarikat-syarikat bas bagi menampung keperluan orang ramai sempena musim perayaan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tiket bas tambahan tersebut hanya dijual di kaunter bas ekspres mulai minggu depan untuk semua perjalanan dari 6 Oktober hingga 20 Oktober.

LPS ini hanya dibuka kepada bas ekspres sedia ada, bas persiaran, bas bandar, bas sewa khas, bas kilang dan bas sekolah.

Bagaimanapun, pengusaha bas sekolah dan bas kilang hanya dibenarkan menyediakan perkhidmatan sewa khas untuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

LPKP juga menetapkan syarat untuk mendapatkan LPS iaitu bas berusia kurang 12 tahun, lulus pemeriksaan khas Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom), memiliki perlindungan insurans, mempunyai pemandu kedua untuk perjalanan 300 kilometer dan tempat pelepasan di terminal bas ekspres.

Menurut Ah Tey, jika keperluan bas sekolah begitu mendesak, beliau berharap kerajaan boleh melonggarkan syarat itu agar mereka yang gagal membeli tiket bas ekspres boleh menggunakan bas sekolah untuk ke destinasi masing-masing menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Bas sekolah yang berumur lebih 12 tahun masih dalam keadaan baik dan sentiasa diselenggara serta mempunyai pemandu yang berhemah," ujarinya.

Bagaimanapun, katanya, keperluan bas sekolah itu bergantung kepada kehendak syarikat bas ekspres dan beliau mengakui tempoh perjalanan menggunakan bas sekolah agak lewat yang kebiasaannya mengambil masa lebih dua jam.

Ini kerana menurut Ah Tey, pemandu bas sekolah tidak mengikut rentak pemandu bas ekspres yang memandu laju sebaliknya mementingkan keselamatan penumpang.

Sementara itu, ditanya kesukaran dihadapi pengusaha bas sekolah untuk mendapatkan insurans perlindungan daripada syarikat insurans tertentu, katanya, perkara itu telah selesai.

Beliau memberitahu, pihaknya telah berurusan dengan sebuah syarikat insurans lain yang bersedia menjual polisinya selepas syarikat asal enggan berbuat demikian kerana menganggap bas sekolah berisiko tinggi.

Tajuk Artikel : Pemandu kurang

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUANTAN 19 Sept. – Persatuan Pemandu Bas Melayu Semenanjung Malaysia (PPBMS) bimbang tindakan tegas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melakukan operasi pembersihan menyebabkan pemandu yang tinggal akan dikerah bekerja lebih masa oleh syarikat masing-masing pada musim perayaan ini.

Presidennya, Mohd. Yasin Yacob berkata, pihaknya meramalkan berlaku kekurangan pemandu bas pada musim perayaan ini berikutan tindakan pihak berkuasa berkenaan.

Justeru, menurut beliau, ia boleh menimbulkan masalah baru iaitu syarikat-syarikat bas memerah tenaga pemandu mereka untuk memandu melebihi had masa dan kekerapan perjalanan yang biasa.

"Jika ini berlaku, kita bimbang pemandu yang ada akan dikerah memandu berulang kali bagi memenuhi permintaan pengangkutan yang meningkat semasa musim perayaan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengeluaran 1,000 Lesen Perubahan Sementara (LPS) oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) kepada syarikat-syarikat bas untuk menampung keperluan orang ramai pada musim perayaan kali ini.

Mohd. Yasin berkata, syarikat pengangkutan yang ingin mengaut untung lebih mungkin mengenakan tekanan ke atas pemandu mereka untuk bekerja lebih masa dan membuat perjalanan lebih kerap ke destinasi tertentu.

Menurutnya, ini akan mendorong pemandu-pemandu terbabit menggunakan bahan terlarang seperti dadah untuk meneruskan tugas masing-masing seterusnya menyumbang kepada peningkatan kemalangan.

Justeru, beliau berharap, syarikat-syarikat bas memikirkan strategi yang lebih baik agar pemandu mereka tidak terlalu dibebankan dengan tugas memandu bas melebihi had masa dan kekerapan yang sepatutnya.

Tajuk Artikel : Bas tambahan mesti berusia bawah 12 tahun

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) tidak akan melonggarkan syarat usia maksimum bas sekolah atau bas pekerja yang ingin digunakan sebagai bas tambahan pada Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusinya, Datuk Markiman Kobiran berkata, syarat usia tidak melebihi 12 tahun itu adalah satu aspek penting keselamatan yang tidak boleh dikompromi walaupun ia menyukarkan syarikat bas ekspres.

"Saya tak sanggup hendak mengetepikan soal keselamatan, dalam hal ini kita perlu mengelakkan kejadian yang tidak diingini sebelum ia berlaku.

"LPKP sudah membenarkan pengeluaran Lesen Perubahan Sementara (LPS) dan kelebihan ini sebenarnya satu cara pengurangan risiko," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan ketiadaan bas tambahan menjelang musim perayaan kerana usia kebanyakan bas sekolah melebihi 12 tahun.

Pada masa yang sama, LPKP sendiri memberi jaminan bahawa kenderaan awam itu mencukupi untuk menampung keperluan semua penumpang.

Tajuk Artikel : Esok tarikh akhir serah diri

Sumber / Tarikh : Utusan Malaysia Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA TERENGGANU 19 Sept. – Polis memberi tempoh sehingga Jumaat ini kepada 42 individu yang dicari bagi membantu siasatan kes rusuhan di Jalan Sultan Mahmud dan Batu Burok di sini pada 8 September lepas untuk menyerah diri di Ibu Pejabat Polis (IPD) Kuala Terengganu.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah I negeri, Supritendan Khairi Ahrasa menegaskan, sekiranya mereka gagal berbuat demikian dalam tempoh dua hari ini, polis akan melancarkan gerakan mencari individu terbabit ke rumah.

Katanya, gerakan mencari ke rumah akan dilakukan tanpa mengira waktu kerana pihak polis menerima banyak maklumat daripada orang awam mengenai individu terbabit selepas gambar mereka disiarkan oleh media massa.

“Kita minta mereka serah diri bagi melengkapkan kertas siasatan kes yang kini sudah 70 peratus siap sebelum diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya secepat mungkin untuk tindakan lanjut,” katanya di sini, hari ini.

Menurutnya, polis sebelum ini mengedarkan gambar 46 lelaki yang dicari berhubung kes itu dan setakat ini empat orang telah menyerah diri termasuk tiga lelaki berusia 16 hingga 50 tahun yang berbuat demikian hari ini. Lelaki pertama yang menyerah diri hari ini, katanya, ialah seorang peniaga ayam berusia 50 tahun dari Kampung Tok Dir, Kedai Buloh, di sini, pada pukul 11.20 pagi.

Tambahnya, selepas itu seorang peniaga pasar malam berusia 20 tahun dari Alur Tomang, Marang menyerah diri pada pukul 12.30 tengah hari dan diikuti seorang pelajar tingkatan empat sebuah sekolah menengah di sini, menyerah diri pada pukul 2.45 petang.

Beliau memberitahu, lelaki berasal dari Kampung Tok Dir, Kedai Buloh di sini menyerah diri selepas gambarnya disiarkan dalam media massa semalam.

Menurutnya, lelaki itu yang berniaga ayam di Pasar Besar Kedai Payang datang seorang diri ke IPD Kuala Terengganu kira-kira pukul 11.20 pagi ini. Katanya, pada Ahad lepas, seorang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah agama swasta di Binjai Mangkok, Marang menyerah diri selepas 24 jam gambarnya bersama lapan lagi suspek disiarkan.

Dia bagaimanapun telah dilepaskan dengan jaminan polis.

Menurut Khairi, polis akan menyoal siasat peniaga ayam itu untuk mengetahui sejauh mana penglibatannya dalam kejadian rusuhan pada malam 8 September lalu. Katanya, siasatan ke atasnya adalah mengikut Seksyen 27 (5) Akta Polis 1967 berhubung perhimpunan haram.

Menurutnya, sebarang keputusan untuk mendapatkan tahanan reman ke atas lelaki yang menyerah diri itu hanya akan diketahui hasil soal siasat ke atasnya hari ini. Beliau memberitahu, individu yang mahu menyerah diri boleh menghubungi Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kuala Terengganu, Deputi Supritendan Noor Mushar Mohamad di talian 013-9366565 atau pegawai penyiasat, Asisten Supritendan Mohd. Hazwan Zulkifli (012-3674945).

Tajuk Artikel : Pelebaran lebuh raya Utara Selatan Slim River-KL siap sebelum raya

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kerja-kerja melebarkan jalan di Lebuhraya Utara Selatan dari Slim River, Perak ke Kuala Lumpur dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya seminggu sebelum Hari Raya Aidilfitri, dan diyakini dapat mengatasi kesesakan lalu lintas yang dijangka berlaku menjelang sambutan perayaan itu.

Pengerusi PLUS Expressway Berhad Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim berkata pelebaran jalan itu akan membolehkan satu lagi lorong dibuka kepada pengguna berbanding hanya dua sekarang.

" Buat masa ini kerja-kerja pelebaran sedang giat dijalankan kerana kita mahu pastikan ia siap selewat-lewatnya seminggu sebelum raya," katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian hadiah Pertandingan Kawasan Rehat Dan Rawat Berhias Terbaik anjuran PLUS, di sini hari ini.

Selain itu, katanya PLUS juga akan membuka laluan kontra sepanjang musim perayaan itu nanti.

"Pihak PLUS akan mengumumkan pembukaan laluan kontra ini pada 2 Okt nanti," katanya.

Pada majlis tersebut, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Tapah (arah selatan) telah memenangi kategori R&R berhias terbaik dan membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 beserta sijil penghargaan dan piala pusingan.

Tempat kedua dimenangi R&R Tapah (arah utara) yang menerima wang tunai RM3,000 beserta sijil, manakala tempat ketiga dimiliki R&R Gunung Semanggol (arah selatan) dan menerima wang tunai RM2,000.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kerajaan tidak akan tunduk desakan naikkan harga ayam

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan tidak akan tunduk kepada desakan untuk menaikkan harga ayam di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Mohd Shafie Apdal berkata pihaknya juga akan mengambil tindakan tegas terhadap pembekal dan penjual ayam yang didapati menaikkan harga melebihi harga siling yang ditetapkan.

Pemborong dan pembekal ayam diharap mengambil sikap bertanggungjawab dan tidak cuba menyorokkan ayam dengan tujuan mendesak kerajaan menaikkan harga, katanya kepada pemberita selepas majlis terbuka puasa anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sini malam ini.

Shafie berkata beliau telah berjumpa dengan 600 wakil dari persatuan penternak ayam dan mereka bersetuju dengan harga siling RM6 sekilogram yang ditetapkan kerajaan.

Beliau turut memberi jaminan bekalan ayam mencukupi.

"Saya telah berjumpa dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beliau berkata bekalan ayam buat masa sekarang mencukupi. Buat masa sekarang kira-kira 22 juta ekor ayam dihasilkan untuk dipasarkan ke seluruh negara," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kerajaan Johor hutang Pusat kerana hilang geran sejak 12 tahun lalu

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

MUAR, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan Johor terpaksa meminjam daripada Kerajaan Pusat bagi perbelanjaan pembangunan sehingga berhutang sebanyak RM655.88 juta setelah kehilangan geran bernilai lebih RM1 bilion berikutan penswastaan bekalan air 12 tahun lalu, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini.

" Johor sudah tidak menerima bantuan geran sebanyak RM100 juta setahun dari Kerajaan Pusat sejak 12 tahun lalu. Pernyataan ini terkandung dalam persetujuan yang dicatatkan dengan kerajaan Pusat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Bilik Gerakan Pejabat Daerah di sini.

Beliau diminta mengulas laporan Ketua Audit Negara yang menyatakan Johor berhutang sebanyak RM655.88 juta daripada Kerajaan Pusat.

Abdul Ghani berkata 92.68 peratus daripada pinjaman Kerajaan Pusat itu digunakan untuk membiayai perbekalan air ke luar bandar oleh Syarikat Air Johor (SAJ).

Sebanyak RM87.7 juta dipinjamkan kepada Johor Corporation (JCorp), manakala RM100 juta dipinjam kerajaan negeri untuk membina rumah kos murah.

Katanya perkara ini berbeza dengan negeri-negeri lain yang masih menerima geran daripada Kerajaan Pusat untuk operasi perbekalan air masing-masing.

Abdul Ghani berkata selain daripada dibelanjakan untuk bekalan air luar bandar, pinjaman juga dibuat untuk membina loji air baru di Semanggar di Johor Baharu yang menelan belanja RM300 juta.

" Dengan pembinaan loji air itu, kita tidak lagi bergantung kepada bekalan air bersih yang diproses oleh Singapura untuk pengguna-pengguna air di Johor Baharu," ujarnya.

Beliau berkata semua pinjaman yang digunakan untuk projek bekalan air SAJ itu akan terhapus apabila semua aset dan tanggungan SAJ dipindahkan kepada sebuah syarikat pengurusan air yang tubuhkan Kerajaan Pusat dalam tempoh setahun lagi.

" JCorp akan menyelesaikan hutangnya mengikut tempoh bayaran balik yang ditetapkan, manakala kerajaan negeri akan menyelesaikan sendiri pinjaman RM100 juta bagi membina rumah kos rendahnya," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kerajaan arah eKesihatan ditangguh

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kabinet memutuskan untuk menangguhkan sistem pemeriksaan kesihatan pemandu kenderaan komersil bagi membolehkan Unit Perancang Ekonomi (EPU) menyelaraskan pelaksanaan program, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek hari ini.

"Kabinet telah memutuskan bahawa demi kebaikan program ini, pelaksanaan harus ditangguh sementara kerana penswastaaan projek seumpama ini perlu dirujuk EPU.

"EPU kemudiannya akan menyelaraskan pelaksanaan program dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain, termasuk Kementerian Kesihatan bagi pemeriksaan kesihatan pemandu kenderaan komersil," katanya kepada Bernama.

Sistem pemeriksaan kesihatan pemandu kenderaan komersil yang dikenali sebagai 'eKesihatan' sepatutnya dilaksanakan mulai 1 Okt ini.

Terdahulu, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Datuk Ahmad Mustapha Abdul Rashid dalam kenyataan satu perenggan hari ini berkata kerajaan telah membuat keputusan bahawa pelaksanaan eKesihatan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Pelaksanaan eKesihatan menimbulkan kontroversi ekoran dakwaan bahawa Supreme Systems Sdn Bhd, syarikat yang menerima kontrak daripada JPJ bagi mengendalikan sistem itu, akan meraih keuntungan "atas angin" hampir RM400 juta dalam tempoh 15 tahun.

Pengarah eksekutif syarikat itu, Datuk Nordin Yahya menafikannya dengan menjelaskan bahawa syarikat itu hanya mendapat kontrak mengendalikan eKesihatan untuk tempoh lima tahun dan bukan 15 tahun seperti dilaporkan.

Minggu lepas, JPJ mengumumkan semua pemandu kenderaan komersial yang hendak memperbaharui atau memohon Lesen Memandu Perkhidmatan Kenderaan Awam (PSV) dan Lesen Memandu Kenderaan Barang (GDL) diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan serta ujian air kencing di 611 klinik panel menerusi eKesihatan mulai 1 Okt ini.

Peraturan baru itu yang turut mewajibkan pemandu membuat bayaran RM80 di Pejabat Pos, mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang mendakwa pelantikan klinik panel itu melanggar Akta Perubatan 1971.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Wanita misteri dicari bagi bantu kes bunuh kanak-kanak

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

PETALING JAYA, 19 Sept (Bernama) -- Polis sedang mencari seorang wanita misteri dalam rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di sebuah rumah kedai di sini Ahad lepas bagi membantu siasatan kes penemuan mayat seorang kanak-kanak dalam beg pakaian.

Memakai baju-T berwarna merah dan seluar jeans biru, wanita itu dilihat mundar-mandir di luar premis itu kira-kira pukul 2 petang sebelum menaiki sebuah kereta Perodua Kancil berwarna perak yang dipandu oleh seorang yang tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Arjunaidi Mohamed berkata oleh kerana kualiti rakaman CCTV itu kabur, polis tidak dapat mengesan nombor pendaftaran kereta tersebut.

Beliau menggambarkan wanita itu mempunyai rambut sehingga bahu, berbadan kecil dan mempunyai ketinggian kira-kira 155sm.

"Kami merayu kepada wanita ini supaya menghubungi kami dengan segera kerana kami percaya dia boleh membantu siasatan dalam kes pembunuhan mangsa kanak-kanak itu," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Pada Isnin lepas, mayat seorang kanak-kanak perempuan, berusia antara enam dan sembilan tahun, ditemui mati dalam sebuah beg yang ditinggalkan di tangga premis perniagaan tiga tingkat itu di PJS 1/48.

Bedah siasat ke atas mayat mangsa yang belum dikenalpasti itu mendapati pembunuh telah memasukkan sebiji timun dan terung ke dalam kemaluan mangsa, menyebabkan rektum mangsa pecah dan mengakibatkan jangkitan bakteria.

Mengenai spekulasi bahawa kes bunuh itu ada kaitan dengan kehilangan seorang kanak-kanak Nurin Jazlin Jazimin, 8, sejak sebulan lalu di Wangsa Maju, Arjunaidi berkata adalah terawal awal untuk mengaitkan kedua-dua kes itu.

Terdahulu itu, polis telah menjemput media untuk menonton pita CCTV serta menyiarkan gambar wanita misteri itu dalam media cetak dan elektronik. Bagaimanapun, ia tidak berhasil berikutan masalah teknikal.

Dalam pada itu, Arjunaidi menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang menyatakan bahawa imej seorang pemandu kereta meletakkan sebuah beg sukan di premis itu dirakam dalam pita CCTV itu.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya ujian asid deoksiribonukleik (DNA) ke atas beberapa helaian rambut yang ditemui di badan mangsa kanak-kanak itu, akan siap dalam beberapa hari lagi.

"Sehingga ini, waris belum menghubungi polis walaupun gambar mangsa disiarkan di semua akhbar tempatan hari ini. Sila tampil dan bantu kami," katanya.

Katanya habuan sebanyak RM20,000 akan diberikan kepada sesiapa yang boleh memberi maklumat sehingga tertangkapnya pembunuh kanak-kanak malang itu.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Hanya 30 sen untuk hantar kad raya melalui Pos Malaysia

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Menyedari penggunaan kad raya yang semakin berkurangan, Pos Malaysia Berhad (PMB) mengambil inisiatif untuk menawarkan promosi kadar rata 30 sen bagi pengeposan kad raya semua saiz dan semua bentuk ke semua destinasi dalam negara asalkan beratnya tidak melebihi 2kg.

Ketua Pegawai Operasi PosMel PMB Mohd Zarif Hashim berkata selain memberi peluang kepada rakyat memberi sentuhan peribadi dalam menyampaikan ucapan perayaan mereka kepada sesiapa sahaja, promosi itu mungkin akan meningkatkan semula penggunaan kad raya.

"Jumlah kad raya yang dihantar melalui pos tahun lalu hanya 7.4 juta, berbanding 11 juta pada tahun sebelumnya. "Jadi melalui promosi ini kami menjangkakan respons yang lebih baik dan harapan kami supaya jumlah kad yang dikendalikan tahun ini meningkat kepada 11 juta," katanya kepada media di sini hari ini.

Sebelum ini, menurut Mohd Zarif, setem bagi kad raya berharga daripada 30 sen hingga 50 sen, bergantung kepada saiz, berat dan tempat tujuan. "Jika sambutan menggalakkan diterima kali ini, promosi ini akan diteruskan bagi perayaan-perayaan lain pada masa akan datang, termasuklah Deepavali, Krismas dan Tahun Baru Cina," katanya.

Mohd Zarif pada masa sama turut mengingatkan orang ramai supaya mengirim kad raya masing-masing sebelum 6 Okt ini supaya kad yang dihantar dapat sampai kepada penerimanya sebelum hari raya. "Memang kami masih menerima kad raya selepas tarikh itu tapi kemungkinan untuk ia sampai kepada penerima sebelum raya adalah tipis," katanya.

Mohd Zarif berkata PMB telah mengambil 50 pekerja sambilan untuk membantu mengendalikan kad raya dan jumlah ini mungkin akan ditambah kepada 90 orang jika jumlah kad yang diterima meningkat pada tahun ini.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Gempa bumi punca kejadian tanah jerlus di Perak

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

IPOH, 19 Sept (Bernama) -- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak hari ini mengesahkan bahawa 14 kejadian tanah jerlus yang berlaku sekitar Lembah Kinta sejak seminggu lepas adalah berpunca daripada kejadian gempa bumi kuat yang berlaku di Bengkulu, selatan Sumatera.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata siasatan JMG juga mendapati kejadian tanah jerlus itu juga berpunca daripada kedudukan geologi kawasan Lembah Kinta yang merupakan kawasan bekas lombong yang mempunyai struktur batu kapur di bawah permukaannya.

"Selain itu kejadian hujan lebat akan membuatkan air turun naik yang menyebabkan kawasan batu kapur mudah dilarutkan dan ia menyebabkan pergerakan pasir di bawahnya. Sehingga kini, kebanyakan kawasan berlakunya tanah jerlus ini adalah di kawasan batu kapur," katanya kepada pemberita selepas

mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Beliau berkata tapak perlombongan terbabit pada asalnya didasari batu kapur dan faktor air hujan dan bawah tanah secara perlahan akan menghakis batu kapur yang akan menyebabkan tanah turun dari kedudukan asal serta membentuk lubang benam dan mengakibatkan tanah jertus.

Katanya, daripada laporan kajian JMG yang diterimanya hari ini, beberapa kejadian tanah jertus boleh dilihat menerusi tanda awal iaitu tanah menjadi mendap dalam bentuk bulatan serta terdapat rekahan pada dinding dan tanah berhampiran.

Beliau berkata selain itu faktor awal lain ialah tingkap rumah kediaman tidak boleh ditutup kerana rumah menjadi senget akibat mendapan di kawasan terbabit.

Tajol Rosli berkata sekiranya berlaku di kawasan perumahan, pemaju dan pihak berkuasa tempatan perlu menutup kawasan terbabit dengan menambak menggunakan bongkah batuan atau batu kerikil serta dimampatkan terlebih dahulu sebelum ditambak lagi menggunakan tanah.

Ketika ditanya sama ada kerajaan negeri akan membuat peraturan baru bagi memastikan projek perumahan tidak menghadapi masalah akibat kejadian tanah jertus, beliau berkata kerajaan negeri menggalakkan pemaju supaya menanam cerucuk yang mempunyai sokongan kukuh bagi pembinaan rumah di kawasan Lembah Kinta yang merupakan bekas tanah lombong.

"Kita tahu jika kerajaan negeri kuatkuasa kaedah penanaman cerucuk yang mempunyai sokongan kukuh ini ia akan menyebabkan harga rumah akan meningkat, setakat ini kita telah mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi pemaju," katanya.

Sejak kejadian gempa bumi terbabit, kejadian lubang benam hampir dilaporkan setiap hari di beberapa kawasan di Perak iaitu Buntong, Batu Gajah, Malim Nawar serta Kampung Datuk Ahmad Said Tambahan 2 dan Jalan Baginda di Gugusan Manjoi serta yang terbaru berlaku di Bukit Merah, Menglembu di sini semalam.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Keputusan Perlis berkaitan wali nikah tidak perlu dipertikai

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KANGAR, 17 Sept (Bernama) -- Keputusan kerajaan negeri Perlis membenarkan pernikahan wanita Islam yang tidak mendapat restu wali mereka tidak seharusnya dipandang negatif dan dipolemikkan, kata Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis Datuk Abu Bakar Ismail hari ini.

Beliau berkata perkara yang tidak bercanggah dengan hukum Islam tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana pihak, apatah lagi perkara itu dilakukan dengan tujuan baik.

Pada 11 Sept lepas, Dewan Undangan Negeri Perlis meluluskan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (pindaan) 2007 yang memberi peluang kepada kaum wanita Islam yang tidak mendapat persetujuan wali meneruskan hasrat mereka untuk berkahwin.

Mengikut enakmen itu Hakim Syariah diberi kuasa untuk membenarkan perkahwinan wanita tanpa restu

wali setelah penyiasatan kesnya tertangguh sebanyak dua kali.

Bercakap kepada Bernama di sini hari ini, Abu Bakar berharap keputusan kerajaan negeri itu tidak dipanjangkan oleh pihak yang kurang bersetuju dan memandang negatif pelaksanaannya.

Beberapa pihak mempertikaikan keputusan itu termasuk Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat Selangor Datuk Abdul Rahman Palil yang menyifatkan Perlis bertindak sendiri tanpa mengambil kira pandangan semua pihak.

Abdul Rahman dilaporkan berkata walaupun keputusan itu di bawah bidang kuasa agama negeri Perlis tetapi ia seharusnya dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan dan mendapat nasihat daripada mufti-mufti negeri lain bagi mengelak tercetusnya pertikaian dan perpecahan umat Islam.

Abu Bakar berkata keputusan yang dilakukan di Perlis telah dirujuk kepada Majlis Fatwa Negeri Perlis dan ia tidak perlu dikemukakan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan.

Katanya pihak yang mengkritik enakmen itu juga perlu melihat matlamat dan hukum syariat supaya mereka tidak lagi memandang serong terhadap pelaksanaannya.

Beliau berkata ada wanita tempatan yang berkahwin di Thailand berpunca daripada kegagalan mendapat restu wali dan perkara itu seharusnya tidak berlaku jika wujud enakmen seperti yang dilaksanakan di Perlis.

Abu Bakar juga berharap mereka yang masih tidak berpuas hati dengan perkara itu supaya berhubung terus dengan pihak pelaksanaan undang-undang di Perlis supaya mereka mendapat gambaran yang lebih jelas.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Perak mahu pastikan lombong air bawah tanah selamat

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

IPOH, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan Perak hanya akan meneruskan projek melombong air bawah tanah pertama di negara ini yang dirancang di daerah Batang Padang jika ia didapati benar-benar selamat, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata projek yang dapat membekalkan air ke Lembah Klang dan Selangor pada 2009 itu perlu dikaji dan diyakini tidak menimbulkan sebarang ancaman keselamatan kepada kawasan serta penduduk sekitarnya.

" Kerajaan negeri tidak hanya melihat kepada keuntungan semata-mata malah aspek keselamatan juga perlu diambil kira dalam melaksanakan sesuatu projek kerana tidak mahu timbul pelbagai ancaman keselamatan seperti tanah mendap dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Kenyataan itu pasti akan melegakan orang ramai dan pelbagai pihak yang sebelum ini menyuarakan kebimbangan terhadap projek berkenaan yang dikhuatiri boleh menimbulkan ancaman keselamatan kerana keadaan geologi Perak yang berbatu kapur dan terdedah kepada fenomena tanah jerlus, mendap dan lubang benam.

Fenomena itu berlaku berikutan faktor batu kapur yang mudah terhakis kerana cuaca termasuk aliran air hujan dan air bawah tanah yang menghakis batu kapur dan ia akan menyebabkan tanah turun dari kedudukan asal serta membentuk lubang benam.

Tajol Rosli berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan projek yang dijangka mampu mengepam satu bilion liter air sehari daripada beratus-ratus perigi, untuk disalurkan dengan paip ke Kuala Lumpur dan Selangor. Projek itu dicadangkan akan dijalankan secara usahasama oleh syarikat tempatan dan asing.

Katanya projek berkenaan juga akan mengkaji dan melihat aktiviti melombong air bawah tanah yang dijalankan di Denmark supaya teknologi itu boleh diguna pakai dalam projek di Batang Padang berkenaan selain aspek keselamatan yang dijalankan.

Beliau berkata Denmark dan Belanda merupakan negara yang menggunakan sumber air bawah tanah 100 peratus untuk kegunaan penduduknya.

Tajol Rosli berkata sebanyak 1.3 peratus jumlah air yang digunakan oleh penduduk di Perak adalah berpunca daripada air bawah tanah.

"Kita mahukan projek itu dan dalam masa yang sama aspek keselamatan perlu dititiberatkan," katanya.

Katanya kerajaan negeri menawarkan kawasan di dalam daerah Batang Padang kerana ia mempunyai struktur batuan granit dan kajian dijalankan secara berkesan supaya aktiviti itu tidak menjejaskan alam sekitar.

Sebelum ini, Menteri Besar dan para pegawai kanan kerajaan negeri turut melawat Melbourne, Australia bagi meninjau kegiatan melombong air bawah tanah di sana.

Kerajaan negeri dijangka menerima premium sebanyak RM36 juta setahun daripada operasi itu pada peringkat awal sebelum meningkat kepada RM136 juta setahun pada 2023 menerusi projek yang membabitkan pelaburan kira-kira RM9 bilion itu.

Kelebihan projek perlombongan air itu adalah dapat menjimatkan kos rawatan air kerana tidak perlu membina empangan atau tasik bagi menyimpan air dan dalam masa yang sama, air yang diperoleh lebih bersih, berkualiti dan berterusan sumbernya.

Kegiatan melombong air bawah tanah secara besar-besaran itu turut menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak selepas beberapa insiden tanah jertus yang terjadi setiap hari sejak kejadian gempa bumi di Sumatera Rabu lepas.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kurang peka, peniaga gagal pameran tanda harga merah jambu

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kurang peka kepada peraturan ialah antara punca masih ramai peruncit didapati gagal mempamerkan tanda harga merah jambu bagi menandakan sesuatu barangan itu adalah barang kawalan dan perlu dijual dengan harga tidak melebihi harga siling.

Tinjauan Bernama di Pasar Keramat dan Pasar Borong Chow Kit di sini hari ini mendapati banyak peniaga kurang jelas dengan peraturan tanda harga merah jambu itu.

Rata-rata peniaga yang ditemui menganggap mereka tidak akan dikenakan tindakan jika tidak meletakkan tanda harga merah jambu. Kebanyakan mereka tidak mematuhi peraturan yang telah beberapa tahun ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu.

Mengikut Akta Barangan Kawalan 1946, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM1,500 untuk setiap kesalahan yang dilakukan termasuk tidak meletakkan tanda harga merah jambu.

"Saya dah letak tanda harga, cukuplah tu. Buat apa nak letak tanda harga merah jambu? Saya tak minat pun 'colour' (warna) tu," komen seorang peniaga ayam yang hanya mahu dikenali sebagai Man ketika diminta mengulas mengenai isu tanda harga itu.

Bagaimanapun, sesetengah peniaga mengakui telah mula menurunkan harga barang jualan mereka hari ini dan tinjauan juga mendapati sesetengah barang kawalan dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga siling.

Di Pasar Borong Chow Kit, beberapa gerai menjual ayam didapati menjualnya pada harga serendah RM5.80 sen berbanding harga siling RM6 yang menurut para peniaga adalah disebabkan oleh kesilapan pemborong menghantar stok berlebihan kepada peniaga dan peruncit di Kuala Lumpur sejak beberapa hari lepas.

Menurut mereka, disebabkan stok seperti ayam yang telah disembelih tidak dapat disimpan lama, pemborong terpaksa menjual dengan harga yang lebih murah daripada RM5.40 iaitu harga siling pemborong yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Harga telur Gred A, B dan C pula turun antara 20 sen dan 25 sen, dengan telur Gred A dijual dengan harga RM2.50 (10 biji) manakala telur gred B (RM2.25) dan telur gred C (RM 2.15).

Bawang kecil pula dijual dengan harga RM4 sekilogram, kurang RM2 berbanding semalam (RM6/kg) manakala bawang besar dan bawang putih kekal seperti harga semalam, iaitu RM2 sekilogram bagi bawang besar dan RM4 bawang putih.

Di Pasar Borong Keramat pula, didapati tiada kenaikan harga barang kecuali ikan tongkol yang naik daripada RM6 sekilogram kepada antara RM7 dan RM13 sekilogram dan ikan kembung naik RM2 berbanding semalam apabila dijual dengan harga RM7 sekilogram hari ini.

Tidak banyak perubahan harga bagi barangan keperluan dapur yang lain seperti kacang buncis, cili, sawi, kangkung, kubis, tomato dan lobak merah.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Pertanian dan pelancongan – Teras utama ECER

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Pertanian dan pelancongan akan menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi di bawah pelan induk khusus bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada bulan depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican berkata beberapa strategi utama telah dirancang bagi kedua-dua sektor di bawah pelan 12 tahun yang meliputi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di Johor.

Bercakap di taklimat para editor mengenai ECER di sini semalam, katanya dengan mengambil kira negeri ECER mencatatkan purata pendapatan isi rumah paling rendah di Malaysia, sektor pertanian akan menjadi salah satu fokus bagi pembasmian kemiskinan.

Terengganu dan Kelantan telah mencatatkan kejadian kemiskinan tertinggi di Malaysia, yang mencatatkan masing-masing 15.4 peratus dan 10.6 peratus kemiskinan di negara ini, diikuti oleh Pahang sebanyak 4.9 peratus.

Di bawah pelan induk ECER, sejumlah 561,000 pekerjaan akan diwujudkan menjelang 2020 dan kemiskinan tegar akan diturunkan kepada sifar.

Petronas adalah perancang pelan induk wilayah ekonomi yang meliputi kawasan 66,736 km persegi atau 51 peratus dari Semenanjung Malaysia. ECER akan dilancarkan oleh Perdana Menteri di Kuala Terengganu dan Kota Bharu pada 30 Okt dan di Kuantan pada 31 Okt.

Untuk menjayakannya, pelan pembangunan itu akan bergantung kepada beberapa kekuatan fundamental yang terdapat di wilayah itu.

Yang paling utamanya ialah kekayaan sumber aslinya seperti keluasan kawasan pertanian dan rezab yang besar minyak dan gas.

Tambahan pula, dengan adanya tenaga buruh yang besar, terutama di kawasan luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri dari wanita, juga merupakan satu kelebihan.

Bayaran upah di negeri Pantai Timur lebih berdaya saing kos dan kos kehidupan juga rendah.

Memandangkan perubahan ekonomi yang bakal dilakukan terhadap lanskap wilayah itu, Hassan berkata akan turut wujud potensi kukuh bagi melaksanakan pembangunan hartanah.

Selain mempunyai kelebihan di segi orientasi geografi, wilayah itu mempunyai kemudahan pendidikan yang baik dan perkhidmatan komuniti asas yang lain.

Untuk mencergaskan sektor pertanian, pelan pembangunan itu mencadangkan dikembangkan pertanian komersil secara besar-besaran, aplikasi lebih meluas teknologi moden, pembangunan aktiviti bernilai tambah, menambah baik pengurusan rantai bekalan, penyertaan sektor swasta sebagai syarikat utama dan meningkatkan peluang bukan pertanian.

Turut dimasukkan ialah penanaman limau (sitrus) dan nanas, pemeliharaan kambing, penanaman herba

dan penanaman pokok getah bagi mendapatkan kayu bagi digunakan dalam pembuatan perabot.

"Kami telah mengenal pasti kawasan 50,000 hingga 100,000 ekar bagi penanaman pokok getah bagi mendapatkan kayu," kata Hassan.

Ini juga bermakna aktiviti pembuatan perabot, yang kini tertumpu di selatan Semenanjung Malaysia, boleh ditarik ke ECER, katanya.

Ketika ditanya bagaimana nelayan di Pantai Timur dapat manfaat dari pelan pembangunan itu, Hassan berkata mereka boleh digalakkan untuk mendapatkan cara untuk menambah nilai hasil tangkapan masing-masing dengan berkecimpung dalam aktiviti seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Bagi pelancongan, pelan itu mencadangkan pembangunan satu inisiatif perdana pelancongan strategik bersepadu sebagai aset jangka panjang dan untuk membangunkan keusahawanan dan pembinaan keupayaan sebagai pemudah penyokongan.

Yang lain termasuk meningkatkan pemasaran pelancongan dan program promosi, mewujudkan satu jenama destinasi kukuh yang akan memuaskan hati pelancong, pemeran kesenian dan kraf tempatan sebagai produk pelancongan dan menambah baik infrastruktur udara, darat dan maritim bagi meningkatkan kemudahan perhubungan sebagai destinasi pilihan pelancong.

Sektor lain yang telah dikenal pasti untuk merangsang pertumbuhan ECER ialah minyak, gas dan petrokimia, pembuatan dan pendidikan.

ECER adalah wilayah pembangunan ketiga yang akan dilancarkan oleh Abdullah tahun ini selepas Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang meliputi negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Pelan pembangunan ECER, yang bermatlamat untuk mempercepatkan pertumbuhan wilayah itu secara berdaya maju, seimbang dan mampan, telah menempatkan ketiga-tiga negeri Pantai Timur dan Mersing menjadi sebuah kawasan pertumbuhan untuk tempoh 12 tahun akan datang sehingga 2020.

Pelan itu yang meliputi tiga Rancangan Malaysia (Rancangan ke-sembilan, ke-10 dan ke-11), telah menjuruskan Kelantan menjadi pusat dagangan, pembangunan modal insan dan pusat kecemerlangan pendidikan serta memberi tumpuan ke atas aktiviti berasaskan pertanian dan ternakan ayam itik dan penanaman tanaman herba.

Terengganu akan ditempatkan sebagai gerbang pelancongan dan satu pusat kecemerlangan pendidikan manakala aktiviti lain di negeri itu akan memberi fokus kepada industri minyak, gas dan petrokimia serta fokus kepada berasaskan pertanian dalam pemeliharaan kambing dan penanaman buah sitrus.

Tumpuan aktiviti di Pahang ialah pembuatan dan pembangunan bandaraya pelabuhan yang termasuk pembangunan pusat pengedaran logistik bersepadu dan satu kelompok industri minyak sawit. Satu tumpuan kepada pemeliharaan lembu dan penanaman nanas telah dikenal pasti bagi negeri itu.

Mengenai sektor minyak, gas dan petrokimia, ECER akan memberi tumpuan mengembangkan dan meningkatkan nilai tambah produk sedia ada, meningkatkan hubungan dengan kelompok pembuatan hiliran sedia ada yang lain seperti kelompok automotif, kelompok elektrik dan elektronik dan industri pembungkusan.

Yang lain ialah mempelbagaikan ke dalam aktiviti berasaskan pembuatan seperti industri plastik dan

perkhidmatan sokongan berasaskan plastik dan meningkatkan keupayaan industri sokongan sedia ada, khususnya memajukan lebih banyak PKS yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada perkhidmatan tambahan kepada aktiviti hulu dan hiliran.

Pembangunan pelan itu juga akan memberi tumpuan penyepaduan operasi tiga lokasi berbeza di mana kelompok semasa telah diwujudkan seperti Kertih, Kemaman dan Kuantan, dan memastikan bekalan mampan dan mencukupi sambil mempromosikan pendekatan berasaskan pemasaran bagi peruntukan sumber efisien.

Bagi Petronas, Hassan berkata, "Kami akan melabur dalam aktiviti minyak dan gas seperti yang telah kami lakukan selama ini."

Sehingga ini, Terengganu telah menerima pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor minyak dan gas dari kedua-dua Petronas serta pelaburan langsung asing (FDI), katanya.

Bagi kelompok pembuatan, pelan itu akan turut memberi tumpuan ke atas aktiviti pembuatan yang akan difokuskan pada taman perindustrian terpilih, mengukuhkan rantaian nilai dan fokus ke atas aktiviti nilai tinggi dan mengukuhkan hubungan dengan sektor lain seperti pemprosesan pertanian makanan.

Yang lain termasuk membangunkan strategi dan promosi, pemasaran, pembungkusan dan penjenamaan yang betul, mengenal pasti dan menawarkan latihan kemahiran berkaitan yang diperlukan oleh industri dalam wilayah timur, memberi tumpuan ke atas aktiviti R&D bagi produk pembuatan berkaitan dan meningkatkan keperluan infrastruktur bagi wilayah timur untuk menarik pelabur.

Bagi pendidikan, pelan itu mencadangkan meningkatkan kemudahan untuk mengakses terhadap pendidikan berkualiti di peringkat sekolah rendah dan menengah dan pendidikan tinggi dan menetapkan jumlah mencukupi tenaga kerja profesional dan mahir untuk menampung keperluan mempercepat pembangunan, menaikkan taraf teknologi, daya saing global dan serantau.

Yang turut dikenal pasti ialah pelan untuk menambah baik latihan kemahiran untuk mewujudkan usahawan tempatan berdaya saing, usahawan tekno dan tenaga kerja mahir yang menampung keperluan tempatan, serantau dan negara, meningkatkan pendidikan tinggi melalui kemudahan fizikal dan pendidikan yang baik dan mencukupi, pensyarah tempatan dan asing yang layak dan mencukupi, dan kemudahan R&D yang lengkap serta menggalakkan pembabitan wanita dalam latihan kemahiran bagi memastikan peningkatan penyertaan dalam industri tempatan.

Bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI), Hassan berkata matlamatnya ialah untuk menarik semua jenis FDI, sama ada kecil atau besar dalam bidang seperti pelancongan, pembuatan dan pendidikan.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : JPJ keluar 56 saman kerana pelbagai kesalahan

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA TERENGGANU, 19 Sept (Bernama) -- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri mengeluarkan 56 saman terhadap pemandu dan pemilik kenderaan kerana pelbagai kesalahan dalam Ops Sepadu yang melibatkan 15 agensi di Stesen JPJ Kijal, Kemaman bermula semalam.

Pengarah JPJ negeri Fauzi Haron berkata, operasi selama dua hari yang berakhir 12 tengah hari tadi disertai tujuh pegawai dari 15 agensi kerajaan termasuk polis, Kastam, Imigresen, JPJ, Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Daripada saman yang dikeluarkan itu, kita turut berjaya mengesan dua kes lesen palsu iaitu melibatkan seorang pemandu kenderaan berat seorang penunggang motosikal," katanya.

"Kedua-dua pemandu berkenaan akan dihadapkan ke mahkamah kerana memalsukan maklumat kerajaan Seksyen 108 Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata selain itu, tiga buah bas juga didapati melanggar arahan laluan yang dibenarkan iaitu mengikut permit, hanya dibenarkan melalui laluan ke Utara dan Selatan namun didapati telah menghala ke pantai timur.

Katanya lebih 1,500 buah kenderaan telah diperiksa sepanjang operasi itu.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kes demam denggi meningkat di empat negeri

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Jumlah kes demam denggi di seluruh negara menurun sebanyak 10 peratus bagi tempoh 9 hingga 15 Sept berbanding minggu sebelumnya namun bilangan kes di empat negeri meningkat.

Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Datuk Dr Hasan Abdul Rahman berkata negeri yang mencatatkan peningkatan kes ialah Pulau Pinang (daripada 81 kepada 104), Wilayah Persekutuan Labuan (2 kepada 9), Sabah (45 kepada 50) dan Perak (34 kepada 35).

"Sejumlah 811 kes demam denggi dengan satu kematian dilaporkan pada minggu lepas, menurun 10 peratus (93 kes) berbanding bilangan kes minggu sebelumnya (904 kes)," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr Hasan berkata daripada jumlah kes yang dilaporkan minggu lepas, 35 kes iaitu 4 peratus adalah kes demam denggi berdarah. Jumlah terkumpul kes demam denggi yang dilaporkan sehingga 15 Sept ialah 36,594 dengan 82 kematian, berbanding 25,465 kes dengan 63 kematian dalam tempoh sama tahun lepas.

Kementerian Kesihatan meminta orang ramai memeriksa persekitaran premis kediaman masing-masing sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk mengesan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kedah perlukan RM800 juta untuk atasi masalah banjir

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

ALOR STAR, 19 Sept (Bernama) -- Kedah memerlukan RM800 juta untuk mengatasi masalah banjir yang melanda negeri ini setiap tahun, kata Menteri Besar Datuk Seri Mahdzir Khalid. Katanya kerajaan negeri akan dapat melaksanakan pakej tebatan banjir, pembersihan dan mendalamkan sungai serta saliran secara menyeluruh di setiap daerah dengan peruntukan itu.

"Jabatan Parit dan Saliran (JPS) membuat cadangan itu kepada kerajaan negeri setelah membuat kajian menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri bercadang membuat permohonan itu kepada kerajaan pusat supaya perancangan bagi mengatasi masalah banjir di Kedah memberikan hasil maksimum.

Menurutnya JPS diperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan projek tebatan banjir di Yan pada tahun depan.

"Banjir yang melanda sekarang menyebabkan 263 hektar padi yang telah masak di Pendang dan Kota Star rosak manakala di Kota Star, Pendang dan Yan seluas 136 hektar benih yang baru ditabur untuk musim kedua turut musnah," kata Mahdzir.

Menurutnya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang membuat penilaian kerugian yang dialami oleh petani.

Mengenai banjir kali ini yang melanda Yan Sabtu lepas dan kemudian Pendang, Kuala Muda dan kini Kota Star, beliau berkata selain hujan lebat yang dibawa taufan wifa ia berpunca daripada saliran tersumbat dan sungai yang sempit.

Beliau menolak dakwaan banjir itu berpunca daripada MADA melepaskan air dari Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning.

"Air di ketiga-tiga empangan itu masih di bawah paras penuh normal," katanya dan menambah jika hujan lebat dalam masa dua atau tiga hari lagi paras air di empangan tersebut tidak membimbangkan.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : 15 sekolah agama di N. Sembilan didaftar sebagai SABK

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

SEREMBAN, 19 Sept (Bernama) -- Sebanyak 15 Sekolah Menengah Rendah Agama (SMRA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) di Negeri Sembilan telah didaftarkan menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata langkah tersebut dibuat agar sekolah ini akan dapat dilengkapi dengan kemudahan serta guru terlatih yang mencukupi.

"Sekarang ini kerajaan negeri tidak mempunyai kemampuan serta menghadapi kekangan kewangan untuk memperlengkapkan kemudahan terutama infrastruktur sekolah itu sendiri. Kita juga menghadapi kekangan daripada perjawatan sebab lebih 50 peratus guru sekolah ini merupakan guru sandaran (sementara).

"Oleh itu, kita telah bersetuju untuk mendaftarkan sekolah ini sebagai SABK...kita bukan memberikan sepenuhnya kepada Kementerian Pelajaran," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Persetujuan menukarkan status sekolah itu kepada SABK dibuat antara Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Mohamad dan Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein semalam.

Mohamad berkata Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan di Gemencheh, Maahad Ahmadi (Gemencheh), SMA Sains Kuala Pilah (Selaru, Johol) dan SMRA Gemencheh bagaimanapun masih di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Mengenai 64 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SAR) di negeri itu, beliau berkata perbincangan sedang diadakan dengan Lembaga Pengelola SAR untuk mendaftarnya sebagai SABK.

"Sekolah ini juga dalam keadaan daif. Sekolah ini ditubuhkan di atas derma orang ramai. Kita juga mahu melihat sekolah ini diuruskan dengan sebaik yang mungkin," katanya.

Mohamad juga berkata perunding telah dilantik untuk menjalankan kajian terhadap 50 buah masjid yang dikenal pasti di sini dan di Port Dickson untuk diurus secara profesional oleh JHEAINS, selaras dengan hasrat kerajaan negeri mewujudkan jawatan pengurus atau eksekutif masjid.

"Kita tidak mahu lagi masjid diuruskan secara sukarela atau sambil lewa tetapi kita mahu masjid diurus secara baik dan tersusun.

"Bermakna masjid bukan sahaja tempat bersembahyang tetapi mempunyai tadika, kedai, dewan serbaguna dan sebagainya. Oleh itu, kita mesti ada orang yang menguruskan masjid dan salah satu tugas pengurus masjid ialah menjadi imam," katanya.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Kesemua mangsa banjir pulang, pusat pemindahan ditutup

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

PULAU PINANG, 19 Sept (Bernama) -- Lebih 100 penduduk di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) yang dipindahkan ke beberapa pusat pemindahan berikutan banjir sejak Ahad lepas dibenarkan pulang ke rumah masing-masing hari ini apabila keadaan banjir semakin pulih pagi ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir SPU berkata, mereka terdiri daripada 82 penduduk dari 19 keluarga di Kampung Rantau Panjang di Kepala Batas dekat sini, dan 23 penduduk dari lima keluarga di sekitar Bagan Dalam, Butterworth.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : KTM sedia beberapa perkhidmatan tren khas sempena hari raya

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Bhd), akan menyediakan perkhidmatan tren khas Singapura-Ipoh dan Kuala Lumpur-Singapura serta sebaliknya dari 5 hingga 12 Oktober ini.

Perkhidmatan tren khas itu kemudiannya akan disambung semula selama lapan hari bermula 15 Okt, kata KTM Bhd dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perkhidmatan tren khas itu ialah antara perkhidmatan tambahan tren antarabandar sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini yang melibatkan sektor selatan, pantai timur dan utara.

Bagi sektor selatan, turut disediakan ialah perkhidmatan Tren Ekspres Rakyat dari Ipoh ke Singapura dan sebaliknya, juga bermula 5 Oktober ini, dan tren itu dijangka tiba di destinasi pada hari yang sama.

Bagi sektor Pantai Timur, dua tren disediakan untuk orang ramai pulang beraya di Kelantan iaitu dari Kuala Lumpur ke Tumpat antara 5 dan 20 Oktober manakala dari Tumpat ke Kuala Lumpur antara 6 dan 21 Oktober.

Sektor Utara turut menyediakan dua tren bagi perkhidmatan KL Sentral-Butterworth dan sebaliknya dari 8 hingga 21 Oktober.

Tiket-tiket boleh dibeli di semua kaunter stesen KTM Berhad dan orang ramai boleh menghubungi pusat panggilan maklumat dengan menelefon 03-2267 1200 atau mena-mana stesen keretapi yang berhampiran untuk mendapatkan maklumat lanjut.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : MAMPU sedia laman Web untuk maklum balas urusan PBT

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Sebuah laman web khusus untuk menerima maklum balas daripada orang ramai berhubung perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) telah dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Jurucakap MAMPU dalam satu kenyataan hari ini berkata, maklum balas daripada pelanggan PBT akan memberi gambaran lebih jelas dan menyeluruh mengenai keberkesanan usaha PBT.

"Maklumat seumpama ini amat penting bagi memastikan tumpuan inisiatif penambahbaikan oleh PBT benar-benar berfokuskan pelanggan," kata beliau. Ini memberi kesan kepada keselesaan dan kehidupan harian rakyat, katanya.

Jurucakap itu berkata, orang ramai boleh memberikan maklum balas dalam enam aspek pengurusan PBT - persekitaran pejabat, perkhidmatan kaunter, perkhidmatan yang diberikan, pengurusan aduan, laman web dan panggilan.

Orang ramai boleh melayari Portal Perkhidmatan Awam, myGovernment di www.gov.my dan klik pada tajuk 'Puas Hati Dengan PBT Anda?' di menu Pengumuman.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Skim baru untuk konsesi tol dirancang

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan, menerusi Kementerian Kerja Raya, sedang menggubal skim baru untuk konsesi tol masa depan.

Menteri berkenaan Datuk Seri S. Samy Vellu berkata hari ini skim baru itu akan memberi faedah kepada syarikat konsesi lebuhraya, pembiaya, kerajaan, dan lebih penting, pengguna.

Beliau berkata konsesi itu yang dianggap amat baik, akan mempertingkatkan lagi dasar penswastan kerajaan. "Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan syarikat konsesi menentukan bahawa satu penyelesaian saksama dicapai dalam menggubal perjanjian konsesi demi faedah semua pihak, terutama pengguna," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di Paris menerusi telefon.

Beliau bagaimanapun tidak mengumumkan butiran skim baru itu "oleh kerana ia masih dalam perbincangan".

Samy Vellu kini di Paris mengetuai delegasi 16-anggota di Kongres Jalan Raya Sedunia selama lima hari, bermula Isnin lepas. Beliau berkata walaupun Malaysia sudah berada dalam bisnes penswastan sejak 20 tahun lampau, masih banyak perlu dipelajari dari segi faedah pengguna dan implikasi kewangan dan ekonomi.

Beliau berkata dasar kerajaan disemak dari masa ke masa bagi menentukan penswastan lebuhraya memenuhi matlamat.

"Antara lain tinjauan pendapat awam sebelum penswastan lebuh raya, mengenalpasti keperluan berasaskan permintaan dan kesan terhadap lalu lintas dan menambak baik lagi terma dan syarat perjanjian konsesi," kata beliau.—BERNAMA

Tajuk Artikel : Kota Star turut dilanda banjir

Sumber / Tarikh : Bernama Online 20 September 2007 - Khamis

ALOR STAR, 19 Sept (Bernama) -- Daerah Kota Star menjadi kawasan terbaru di Kedah dilanda banjir semalam manakala mangsa yang dipindahkan di Pendang meningkat kepada 228 orang.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Daerah Pendang berkata seramai 17 orang daripada lapan keluarga dari Kampung Alor Ali dipindahkan ke pusat pemindahan di Kompleks Rakan Sukan Tanjung Radin di sini malam tadi.

Kawasan rumah mereka dinaiki air lebih satu meter akibat limpahan air dari Sungai Pendang yang turut menyebabkan banjir di empat buah kampung sejak Isnin lepas.

Semua mangsa banjir di Pendang berjumlah 53 keluarga dari 12 kampung ditempatkan di Kompleks Rakan Sukan Tanjung Radin. Namun, jurucakap itu berkata, banjir di Pendang dijangka pulih kerana paras air di Sungai Pendang mulai surut kepada 2.67 meter setelah mencatatkan kedalaman 3.04 meter semalam.

"Semua mangsa banjir akan hanya dibenarkan pulang setelah keadaan betul-betul selamat," katanya.

Di Kota Star, 10 orang daripada dua keluarga di Kampung Permatan Limau dipindahkan ke surau kampung itu pada 4 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Kota Star berkata banjir di kampung itu disebabkan air Sungai Pendang mula mengalir ke daerah Kota Star sejak petang semalam.-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Lelaki 'cuak' sorok mercun

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 20 September 2007 - Khamis

AMPANG: Mimik wajah seorang lelaki yang 'cuak' dan terkejut ketika melalui sekatan jalan raya di Jalan Enggang di sini, menimbulkan kecurigaan sekali gus membawa kepada penemuan pelbagai jenis mercun dalam kereta dipandunya.

Dalam kejadian jam 2.45 pagi itu, lelaki berusia 40-an dari Lorong Keramat di sini, ditahan sepasukan polis kerana membawa bahan letupan itu yang dipercayai hendak dijual di sekitar Keramat dan Lembah Klang.

Ketua Polis Daerah Ampang, Asisten Komisioner Amer Awal, berkata suspek ditahan dalam operasi rutin selepas didapati membawa mercun dalam kenderaannya untuk dipasarkan di sekitar Lembah Klang.

"Sepasukan polis daripada Bahagian Pencegahan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya, menahan sebuah kenderaan kerana dinaiki suspek dalam operasi rutin sekatan jalan raya.

"Hasil pemeriksaan, beberapa bungkusan dan kotak besar yang mengandungi mercun pelbagai jenis bernilai kira-kira RM5,000 ditemui," katanya pada sidang media di IPD Ampang Jaya, di sini, semalam.

Tajuk Artikel : Pakatan sulit suntik vitamin C

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh Ahmad Shahrul Nizam Muhammad

KUALA TERENGGANU: Ada doktor di negeri ini sanggup bersekongkol dengan pengusaha salon kecantikan menawarkan khidmat suntikan vitamin C kepada pelanggan salon terbabit bagi mengaut keuntungan mudah.

Bagaimanapun, sebelum khidmat itu diberikan, doktor terbabit dikatakan mengadakan perjanjian sulit dengan pengusaha terbabit terlebih dulu supaya tidak mendedahkan identiti mereka kepada pelanggan salon berkenaan.

Difahamkan, perjanjian itu dikatakan sebagai jaminan bagi memastikan tindakan doktor berkenaan yang melakukan suntikan kosmetik tidak dibenarkan itu dikesan pihak berkuasa.

Antara syarat perjanjian yang menjanjikan keuntungan lumayan kepada kedua-dua pihak ialah penyediaan lokasi tertentu bagi memudahkan suntikan bernilai antara RM100 hingga RM150 itu dilakukan terhadap pelanggan.

Ada pengusaha salon dikatakan sanggup menawarkan bayaran tinggi mencecah ribuan ringgit kepada doktor terbabit jika sanggup menjadi doktor penyuntik vitamin C berkenaan.

Sebaik persetujuan dicapai, doktor itu akan menggunakan khidmat profesionalnya dengan membawa sendiri vitamin C yang dipercayai diperoleh daripada sindiket tertentu di Kuala Lumpur sebelum bertemu pelanggan. Khidmat suntikan terbabit dikatakan popular di kalangan salon tertentu bagi menarik golongan kenamaan (VIP) mengunjungi premis mereka.

Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan (Farmasi) negeri, Che Mohd Nasir Che Ali, berkata suntikan vitamin C untuk tujuan kosmetik memang tidak dibenarkan dan pihaknya menerima banyak aduan tahun lalu.

Bagaimanapun, menurutnya, tidak dinafikan terdapat pengusaha salon kecantikan dan doktor melakukan perbuatan itu secara sulit bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Tajuk Artikel : Samun RM 1 juta

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online 20 September 2007 - Khamis

Oleh Abdullah Wahab dan Hadzlihady Hassan

KAJANG: Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk berputih mata selepas banglonya di Country Heights di sini, dipecah masuk sekumpulan penyamun awal pagi semalam, menyebabkan kerugian lebih RM1 juta.

Ketika kejadian kira-kira jam 5.20 pagi, mangsa bersama isteri dan anak perempuannya sedang tidur sebelum 10 lelaki bertopeng memecah masuk rumahnya dan mengikat kaki dan tangannya.

Difahamkan, sebelum memasuki kediaman itu, kumpulan penyamun terbabit terlebih dulu menyerang dua pengawal keselamatan yang bertugas di banglo berkenaan sebelum mengikat tangan manakala mulutnya disumbat kain.

Sejurus kemudian, penyamun bersenjata parang itu bergegas memasuki rumah Datuk berkenaan sebelum menggeledah mencari barang berharga.

Jurucakap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang ketika dihubungi, mengesahkan kejadian itu dan memberitahu, gerakan memburu sedang giat dilakukan bagi mengesan semua suspek.

Menurutnya, berdasarkan laporan dibuat mangsa, yang juga seorang pengarah urusan sebuah syarikat perladangan terkenal, kejadian itu membabitkan sekurang-kurangnya 10 lelaki bertopeng, lima daripadanya bersenjata parang.

"Sejurus memasuki rumah itu, beberapa penyamun terus memasuki bilik utama sebelum mengikat mangsa. "Anak mangsa yang tidur di bilik bersebelahan turut diikat, tetapi pembantu rumah tidak diapa-apakan," katanya di sini, semalam.

Kumpulan perompak kemudian melarikan sejumlah wang tunai dan barang kemas yang semuanya dianggarkan bernilai RM 1 juta. Bagaimanapun, ahli perniagaan itu bersama isteri dan anak perempuannya tidak dcederakan, tetapi masih trauma berikutan kejadian yang menimpa mereka.

Jurucakap itu berkata, kumpulan perompak terbabit melarikan diri menggunakan kereta pacuan empat roda jenis Honda CRV milik mangsa, sebelum ditinggalkan di Sungai Ramal, di sini.

"Kenderaan itu kemudian dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan siasatan dan mengesan cap jari.

"Polis juga sedang meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengenal pasti identiti kumpulan perompak berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor, Senior Asisten Komisioner II Mazlan Mansor, ketika dihubungi, mengesahkan kejadian rompakan itu tetapi enggan mengulas lanjut kerana siasatan sedang dijalankan.